



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KESAN PERKONGSIAN MAKLUMAT KESIHATAN DAN KADAR  
PENCARIAN MAKLUMAT KESIHATAN TERHADAP PERUBAHAN  
TINGKAHLAKU KESIHATAN IBU BAPA***

**SITI NUR IZYANDIYANA AB HADI**

**FBMK 2017 58**



**KESAN PERKONGSIAN MAKLUMAT KESIHATAN DAN KADAR  
PENCARIAN MAKLUMAT KESIHATAN TERHADAP PERUBAHAN  
TINGKAHLAKU KESIHATAN IBU BAPA**

Oleh

**SITI NUR IZYANDIYANA BINTI AB HADI**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Februari 2017

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KESAN PERKONGSIAN MAKLUMAT KESIHATAN DAN KADAR  
PENCARIAN MAKLUMAT KESIHATAN TERHADAP PERUBAHAN  
TINGKAHLAKU KESIHATAN IBU BAPA**

Oleh

**SITI NUR IZYANDIYANA BINTI AB.HADI**

Februari 2017

Pengerusi: **Prof. Madya Jusang bin Bolong, PhD**

Fakulti: **Bahasa Moden dan Komunikasi**

Perkembangan pelbagai jenis laman sesawang di Internet yang menyediakan perkhidmatan berkaitan kesihatan, memudahkan maklumat untuk dicari, difahami dan dihasilkan semula oleh berjuta pengguna Internet di seluruh dunia. Walaubagaimanapun, pencarian maklumat di Internet di Malaysia adalah lebih menjurus kepada hiburan, politik dan juga sukan tetapi tidak terfokus kepada maklumat kesihatan. Perlindungan kesihatan seperti pencegahan penyakit berjangkit, dadah, pemakanan dan sebagainya adalah masih di tahap yang membimbangkan. Oleh itu, tahap perlindungan penyakit dapat ditingkatkan dengan adanya perkongsian maklumat kesihatan dalam keluarga. Malah, perkongsian maklumat kesihatan yang dijalankan dengan efektif akan mengubah tingkahlaku kesihatan mereka. Dengan menggunakan Teori Model Pencarian Maklumat melalui Perantara Komputer dan Teori Model Perubahan Tingkahlaku Transteoretikal, kajian ini melihat perhubungan antara amalan pencarian maklumat kesihatan di Internet dan perkongsian maklumat tersebut dalam kalangan ibu bapa di Malaysia dengan perubahan tingkahlaku kesihatan. Sebanyak 400 orang responden yang tinggal berhampiran akses kesihatan dan Internet terlibat dengan kajian ini. Hasil kajian mendapati, faktor maklumat menyumbangkan 2.2% varians terhadap pencarian maklumat kesihatan bagi sejumlah 400 orang responden kajian ini. Ini bermakna faktor maklumat merupakan peramal utama yang menyebabkan ibu bapa mencari maklumat kesihatan melalui Internet. Selain itu, pembolehubah kovariat iaitu perkongsian maklumat kesihatan memberi kesan yang signifikan terhadap perkaitan antara pola pencarian maklumat kesihatan dengan tiga aspek perubahan tingkahlaku kesihatan, iaitu amalan gaya hidup, amalan pemakanan dan amalan pencegahan dan perlindungan kesihatan. Oleh itu, pencarian maklumat kesihatan akan lebih berkesan terhadap perubahan tingkahlaku kesihatan dengan adanya perkongsian maklumat kesihatan dalam kalangan ibu bapa.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia, in fulfilment of  
the requirement for the degree of Doctor Philosophy

**THE INFLUENCE OF HEALTH INFORMATION SHARING AND HEALTH  
INFORMATION SEEKING RATE TOWARDS PARENTS' HEALTH  
BEHAVIOUR**

By

**SITI NUR IZYANDIYANA BINTI AB HADI**

**February 2017**

**Chairman:**      **Associate Prof. Jusang bin Bolong, PhD**  
**Faculty:**        **Modern Language and Communication**

The development of various types of website on the Internet providing health-related services enable information to be searched, understood and reproduced by millions of Internet users around the world. However, the search for information on the Internet in Malaysia is more focused on entertainment, politics, and sports but not on health information. Health protection such as prevention of infectious diseases, drugs, nutrition and other related health issues are still at an alarming rate. Therefore, sharing health information in the presence of family members which in turn increasing the level of disease prevention. In fact, the sharing of health information carried out effectively would change their health behaviour. Using Information Seeking through Computer Mediated Channel (CMC) Model and Transtheoretical Behavioral Change Model, the study identifies the relationship between the practice of seeking health information on the Internet and information sharing among parents in Malaysia which in turn changing their health behaviour. A total of 400 respondents who live near the health and Internet access involve in this study. This study found that information factor contributes 2.2% variance towards health information seeking rate. It means that information factor is the main predictor which influences the health information seeking among parents. Additionally, the covariate variable which is health information sharing, has a significant impact on the relationship between health information seeking rate with three aspects of health behaviour change, namely healthy lifestyle, eating habits and practices of prevention and health protection. Therefore, health information seeking will positively influences health behaviours (healthy lifestyle, eating habits and practices of prevention and health protection) if health information sharing is practiced among parents.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.. Alhamdulillah hirabbil alamin.

Saya merafakkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT, dengan limpah kurniaNya, kerana memberikan kekuatan dan kenikmatan kepada saya tanpa henti. Tanpa keredhaanNya, tidak mungkin saya mampu menyelesaikan tesis ini walau sedikit pun.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof.Madya Dr.Jusang bin Bolong kerana telah memberikan bimbingan, bantuan, dan perhatian dalam menyempurnakan tesis ini daripada awal sehingga akhir penulisan. Saya akui, perhatian, kesabaran, keikhlasan yang ditonjolkan oleh beliau dalam mencerahkan ilmu telah memberikan inspirasi kepada saya untuk mencontohi beliau dalam profesi akademik ini. Semoga Allah SWT membala segala jasa beliau dalam mencerahkan ilmu yang tiada berbelah bahaginya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya ucapan kepada Prof. Md. Salleh bin Hassan dan Dr. Mohd Nizam bin Osman kerana memberikan pandangan dan cadangan dalam memantapkan lagi kejayaan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan kasih cinta yang tidak terhingga kepada suami tercinta, Mohd Hafizzuddin Ab Halim di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran beliau mengharungi segala cabaran sepanjang tesis ini disiapkan, tidak juga dilupakan buat permata hati saya Nur Diana Damia dan Nur Hana Hafizah yang tidak jemu melayan karenah umi dalam menghasil kerja umi ini demi masa depan kalian bersama. Merekalah yang sentiasa menjadi sumber kekuatan dan kesabaran saya dalam menyiapkan tesis ini.

Sudah tentunya, tidak lupa untuk saya pahatkan baris penghargaan buat keluarga saya terutama Ma, Mariah binti Hamzah dan Abah, Ab Hadi bin Mat Nor di Pasir Puteh, Kelantan juga buat kedua keluarga mertua saya, Mama, Harina binti Othman dan Abah Ab Halim bin Majid yang berada di Serdang, Selangor serta adik-adik, sesungguhnya galakan dan dorongan dari mereka tidak pernah jemu dan putus dalam kejayaan saya untuk menghasilkan tesis ini.

Sekali lagi terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung mahu pun tidak dalam menjayakan tesis ini. Semoga tesis ini membawa kejayaan dan satu harapan baru dalam meniti kejayaan dalam bidang yang bakal ditempuhi.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 Februari 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Nur Izandyiana binti Ab Hadi bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kesan Perkongsian Maklumat Kesihatan Dan Kadar Pencarian Maklumat Kesihatan Terhadap Perubahan Tingkahlaku Kesihatan Ibu Bapa” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ezhar b Tamam, PhD**

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengetahuan)

**Abdul Muati @Zamri b Ahmad, PhD**

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Siti Zobidah bt Omar, PhD**

Profesor Madya

Institut Pengajian Sains Sosial

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Faridah binti Ibrahim, PhD**

Profesor

Fakulti Seni, Komunikasi dan Pendidikan

Universiti Antarabangsa Kuala Lumpur

(Pemeriksa Luar)

---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Ogos 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Jusang bin Bolong, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Md.Salleh bin Hassan, PhD**

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Mohd Nizam Osman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012; Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No.Matrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Kenyataan Masalah	3
1.2.1 Persoalan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.4.1 Kepentingan Teoretikal	7
1.4.2 Kepentingan Praktikal	7
1.4.3 Kepentingan Polisi	8
1.4.4 Kepentingan Metodologikal	10
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Limitasi Kajian	11
1.7 Definisi Konsep Kajian	12
1.7.1 Komunikasi Kesihatan	12
1.7.2 Pencarian Maklumat Kesihatan	12
1.7.3 Perkongsian Maklumat Kesihatan	12
1.7.4 Tingkah laku Kesihatan	12
1.8 Kesimpulan	13
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Media dan Kesihatan	14
2.2.1 Internet dan Keluarga	15
2.2.2 Internet dan Penjagaan Kesihatan	17
2.3 Pencarian Maklumat Kesihatan	20
2.4 Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan	25
2.4.1 Faktor Maklumat	25
2.4.2 Faktor Matlamat	26
2.4.3 Faktor Teknologi	27
2.4.4 Faktor Konteks/ Situasi	27
2.4.5 Faktor Komunikator	28
2.5 Perkongsian Maklumat Kesihatan dalam Keluarga	28
2.6 Perubahan Tingkah laku Kesihatan	33
2.7 Asas Teoretikal Kajian	35
2.7.1 Teori Model Perubahan Tingkah Laku Transteoritikal	35
2.7.2 Teori Model Pencarian Maklumat melalui	36

	Komunikasi Berperantara Komputer	
2.8	Pembinaan Kerangka Konsep Kajian	37
2.9	Hipotesis Kajian	40
2.10	Kesimpulan	40
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Rekabentuk Kajian	41
3.2	Lokasi Kajian	41
3.3	Populasi dan Prosedur Persampelan	41
3.4	Operasional Pembolehubah	41
	3.4.1 Pengukuran Pembolehubah Bebas	43
	3.4.2 Pengukuran Pembolehubah Bersandar	44
	3.4.3 Pengukuran Pembolehubah Kovariat	44
3.5	Instrumen Kajian	46
	3.5.1 Bahagian A: Latar belakang demografi	46
	3.5.2 Bahagian B:Pola pencarian maklumat kesihatan melalui Internet	46
	3.5.3 Bahagian C:Faktor pencarian maklumat kesihatan melalui Internet	46
	3.5.4 Bahagian D: Perkongsian Maklumat Kesihatan	46
	3.5.5 Bahagian E : Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	46
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	46
3.7	Pra Uji Kajian	48
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	49
3.9	Penganalisaan Data	50
	3.9.1 Statistik Deskriptif	50
	3.9.2 Statistik Inferensi	51
3.10	Kesimpulan	51
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Ciri-ciri Demografi Responden	53
4.2	Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet	56
	4.2.1 Tempoh Penggunaan Komputer dan Internet	56
	4.2.2 Sumber dan Aplikasi Internet untuk Pencarian Maklumat Kesihatan	58
4.3	Tujuan Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet	61
4.4	Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet	63
	4.4.1 Faktor Teknologi	63
	4.4.2 Faktor Matlamat	64
	4.4.3 Faktor Maklumat	66
	4.4.4 Faktor Diri Komunikator	67
	4.4.5 Faktor Konteks/ Situasi	69
	4.4.6 Ringkasan Faktor-faktor Pencarian Maklumat Kesihatan	71
4.5	Perkongsian Maklumat Kesihatan bersama Keluarga	72
	4.5.1 Perkongsian Maklumat Kesihatan bersama Keluarga	72

4.5.2	Kadar Perkongsian Maklumat Kesihatan bersama Keluarga	75
4.6	Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	75
4.6.1	Amalan Gaya Hidup Sihat	75
4.6.2	Amalan Pemakanan	77
4.6.3	Amalan Pencegahan dan Perlindungan Kesihatan	78
4.7	Faktor-faktor mempengaruhi Pola Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet	79
4.8	Perhubungan antara Pola Pencarian Maklumat Kesihatan dan Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	80
4.9	Kesan Perantara perkongsian Maklumat Kesihatan terhadap Perkaitan antara Pola Pencarian Maklumat Kesihatan dengan Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	80
4.10	Kesimpulan	82
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	85
5.1	Rumusan Hasil Kajian	86
5.1.1	Profil Responden	
5.1.2	Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet	86
5.1.3	Kadar Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet dalam kalangan Keluarga	87
5.1.4	Faktor-faktor pencarian maklumat kesihatan	87
5.1.5	Perkongsian maklumat kesihatan bersama keluarga	87
5.1.6	Perubahan tingkahlaku kesihatan	88
5.1.7	Faktor pencarian maklumat kesihatan sebagai faktor peramal terhadap pencarian maklumat kesihatan	89
5.1.8	Perhubungan antara kadar pencarian maklumat kesihatan dengan perubahan tingkahlaku kesihatan	89
5.1.9	Kesan perkongsian maklumat kesihatan terhadap perkaitan antara kadar pencarian maklumat kesihatan dengan perubahan tingkahlaku kesihatan	89
5.2	Kesimpulan	89
5.3	Implikasi Kajian	89
5.3.1	Implikasi Teoretikal	92
5.3.2	Implikasi Praktikal	92
5.3.3	Implikasi Metodologikal	94
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	95
<b>RUJUKAN</b>		97
<b>LAMPIRAN</b>		97
<b>BIODATA PELAJAR</b>		121
<b>PENERBITAN</b>		122

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
2.1	Statistik Gunaan Internet Seluruh Sedunia Tahun 2014	16
3.1	Taburan Responden mengikut Lokasi	43
3.2	<i>Rotated Component Matrix</i> bagi pembolehubah Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	44
3.4	Nilai Cronbach's Alpha bagi Pembolehubah pra-Uji	48
3.5	Jadual Pengumpulan Data	50
4.1	Taburan Demografi Responden (n= 400)	55
4.2	Tempoh Penggunaan Komputer (n=400)	57
4.3	Sumber dan Aplikasi Internet untuk Pencarian Maklumat Kesihatan (n=400)	59
4.4	Taburan Responden berdasarkan Tujuan Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet - Faktor Teknologi (n=400)	62
4.5	Taburan Responden berdasarkan Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet - Faktor Teknologi (n=400)	63
4.6	Taburan Responden berdasarkan Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet - Faktor Matlamat (n=400)	65
4.7	Taburan Responden berdasarkan Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet - Faktor Teknologi (n=400)	67
4.8	Taburan Responden berdasarkan Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet - Diri Komunikator (n=400)	68
4.9	Taburan Responden berdasarkan Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet - Faktor Konteks/ Situasi (n=400)	70
4.10	Purata, Sisihan Piawai, dan Mod bagi Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan	71
4.11	Taburan Responden berdasarkan Perkongsian Maklumat Kesihatan bersama keluarga	73
4.12	Kadar Perkongsian Maklumat Kesihatan bersama Keluarga	75
4.13	Taburan Responden berdasarkan Amalan Gaya Hidup Sihat (n=400)	76
4.14	Taburan Responden berdasarkan Amalan Pemakanan (n=400)	77
4.15	Taburan Responden berdasarkan Amalan Pencegahan dan Perlindungan Kesihatan (n=400)	78
4.16	Kadar Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	79
4.17	Analisis Varians bagi Pembolehubah Factor Pencarian Maklumat Kesihatan	79
4.18	Analisis Regresi Pelbagai bagi Pembolehubah bersandar Ujian Variasi Pelbagai terhadap Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	80
4.19	Ujian Variasi Pelbagai terhadap Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	81
4.20	Ujian Kesan antara Subjek	81

4.21	<i>Estimated Marginal Means</i>	82
4.22	Ujian Variasi Pelbagai terhadap Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	82
4.23	Ujian Kesan antara Subjek	83

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
2.2	Pembinaan Kerangka Konsep Kajian berdasarkan kepada Model Perubahan Tingkahlaku Transteoretikal dan Teori Model Pencarian Maklumat melalui Komunikasi Berperantara Komputer	38
2.3	Kerangka Konsep Peringkat 1	39
2.4	Kerangka Konsep Peringkat 2	40
5.1	Model Perubahan Tingkahlaku Kesihatan melalui pencarian maklumat kesihatan melalui Internet oleh ibu bapa	92

## **SENARAI SINGKATAN**

RMK 10	Rancangan Malaysia ke-10
ICT	Teknologi komunikasi dan maklumat
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
Iadl	Aktiviti Fungsian Kehidupan Harian
TTM	<i>Transtheoretical Model</i>
CMC	<i>Computer Mediated Communication</i>
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>

## BAB 1

### PENGENALAN

Bahagian ini menghuraikan latar belakang kajian dengan memberi fokus kepada topik-topik berikut 1) Penyataan masalah 2) Persoalan kajian 3) Objektif kajian 4) Kepentingan kajian 5) Limitasi kajian dan 6) Definisi Konsep Kajian.

#### 1.1 Latarbelakang Kajian

Kesihatan merupakan kunci utama kepada kesejahteraan hidup setiap manusia. Individu yang sihat pastinya dapat memainkan peranan aktif terhadap pembangunan agama, bangsa dan negara. Tidak dapat dinafikan, isu-isu kesihatan telah pun popular sejak berkurun lamanya. Semenjak bayi dilahirkan sehingga mencecah zaman kanak-kanak hingga ke usia tua, isu-isu pemakanan, senaman, penyakit, persekitaran hidup dan topik-topik lain yang saling berhubung kait sering diperbincangkan. Malah, pelbagai penyelidikan telah dijalankan, diterokai dan berbagai-bagai polisi dan kenyataan dikeluarkan untuk individu mahupun masyarakat oleh para penyelidik dalam mempertingkatkan taraf kesihatan.

Menurut Rahimah (1995), pada zaman moden kini, konsep sihat tidak terhad hanya kepada penyembuhan daripada penyakit sahaja. Malah, ia kini lebih menggambarkan keadaan “sihat” sebagai sebahagian rentak kehidupan kita seharian. Ia merupakan unsur penting agar kita dapat mencapai keselesaan hidup. Malah, setiap insan tidak kira lelaki, wanita mahupun anak kecil, kini berhak untuk memilih kehidupan yang selesa.

Aspek kesihatan merupakan salah satu fokus utama kerajaan Malaysia. Satu daripada penanda aras atau indikator negara maju ialah penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang lengkap di samping rakyat yang sihat dan cerdas. Penyediaan kemudahan kesihatan yang menyeluruh serta bertaraf dunia telah lama dilaksanakan oleh kerajaan. Kerajaan sentiasa memastikan tidak ada kawasan atau rakyat yang tidak mendapat perkhidmatan kesihatan di negara ini. Sejak Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia ke-10 (RMK 10), perkhidmatan kesihatan sentiasa diberi perhatian yang serius oleh kerajaan. Banyak hospital, pusat kesihatan, klinik, klinik bergerak dan tidak ketinggalan juga hospital pakar telah banyak didirikan di setiap negeri dalam negara ini. Peruntukan yang berbilion ringgit setiap tahun telah diberi kepada sektor kesihatan bagi menjamin kualiti kesihatan kepada rakyat.

Melalui RMK10, sebanyak RM637 juta telah diperuntukkan untuk membina 156 buah klinik di kawasan luar bandar, 41 klinik kesihatan komuniti dan 50 klinik 1Malaysia (Kementerian Penerangan Malaysia, 2013). Pihak kerajaan telah memastikan tiada kawasan atau rakyat yang terpinggir daripada menikmati peluang kesihatan percuma di negara ini. Ia menunjukkan bahawa kerajaan begitu prihatin dalam menyediakan

kemudahan kesihatan bertujuan mewujudkan rakyat Malaysia yang sihat, cergas dan mampu melaksanakan pembangunan untuk negara.

Disamping itu, kerajaan Malaysia juga telah melancarkan kempen Kempen Gaya Hidup Sihat pada tahun 1996 dengan matlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia. Terdapat empat fokus utama kempen tersebut iaitu: (1) Kempen pencegahan diabetes (1996); (2) Kempen penggalakan pemakanan sihat (1997); (3) Kempen penggalakan senaman dan kecergasan (1998); dan (4) Kempen PROSTAR (1999). Menurut laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2004) yang menunjukkan bahawa jangkahayat penduduk Malaysia telah meningkat dari 73 tahun pada tahun 2000 kepada 75 tahun pada tahun 2004, membuktikan keberkesanan kempen-kempen tersebut. Walaubagaimanapun, laporan daripada Penang Cancer Registry (2003) bagi tahun 1998 mendapati bahawa bilangan pesakit koronari telah meningkat hampir seratus peratus kepada 320 kes berbanding tahun 1994 iaitu 160 kes. Hasil laporan ini disokong pula oleh laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2004) yang mendapati bahawa terdapat peningkatan mendadak dalam kes penyakit koronari pada tahun 2002 (151,824 kes) berbanding tahun 2001 (112,786 kes). Laporan ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat tidak diamalkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia sememangnya sedang mengalami perubahan yang drastik. Kes-kes kejadian penyakit berjangkit seperti malaria, denggi, kolera, tifoid, tuberkulosis, dan poliomielitis telah berkurangan dan terkawal namun, kes-kes penyakit kronik contohnya penyakit jantung, diabetis, hipertensi, asma dan kanser pula semakin meningkat (Dewan Kosmik, 1998). Penjagaan primer yang dikaitkan sebagai penjagaan kesihatan awal dan perlindungan kesihatan bagi individu maupun keluarga adalah penting sebelum mendapatkan rawatan lanjut di hospital atau berjumpa dengan doktor pakar (Dewan Kosmik, 1998).

Kerajaan Malaysia sendiri menggalakkan rakyatnya untuk mencari ilmu pengetahuan mengenai penyakit baru berikutan gaya hidup yang moden dan perlu berusaha mencapai tahap kesihatan yang baik. Menurut Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, corak penyakit dan masalah kesihatan negara telah berubah daripada yang dialami oleh negara membangun kepada corak penyakit dihadapi negara maju. Kes penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, kegemukan, tekanan darah tinggi dan kehilangan upaya semakin meningkat, manakala penyakit kardiovaskular, yang dikaitkan dengan gaya hidup mewah serta kadar kolesterol tinggi, kurang aktiviti bersenam dan merokok menjadi penyakit utama menyebabkan kematian di Malaysia (Berita Harian, 2004). Bagaimanapun, penyakit berbahaya ini sebenarnya boleh dicegah jika rakyat mengetahuinya dan berusaha mengurangkan faktor risiko dan bersedia mengamalkan gaya hidup sihat. Salah satunya adalah dengan mendapatkan sebanyak mungkin maklumat kesihatan.

Selain daripada itu, sesuatu penyakit dapat dicegah melalui proses ingat-mengingati antara satu sama lain dalam keluarga. Dalam proses tersebut, ahli keluarga akan mencari maklumat kesihatan dan seterusnya berkongsi maklumat tersebut bersama ahli

keluarga yang lain. Melalui maklumat yang dikongsi itu, dapat mendorong ahli keluarga untuk menjalankan aktiviti atau tingkah laku perlindungan kesihatan.

Menurut Keum dan Cho (2003), pencarian maklumat merupakan aktiviti yang digemari oleh kalangan pengguna Internet dan 91% daripada pengguna Internet tersebut akan mencari maklumat dalam satu-satu masa atau masa yang lain. Malah, menurut Cole (2006), pengguna Internet lebih cenderung untuk mencari sumber maklumat dalam talian (*online*) berbanding sumber-sumber maklumat yang lain. Beberapa faktor telah dikenalpasti menyumbang kepada peningkatan populariti pencarian maklumat di Internet. Mittmann dan Cain (2001) berpendapat, pengguna lebih tertarik untuk mencari maklumat di Internet disebabkan mereka berpendidikan tinggi dan akses komputer yang mudah. Disamping itu mereka juga mempunyai pelbagai pengalaman membeli belah secara dalam talian, mengantar emel dan memahami bagaimana Internet berfungsi, selain menjimatkan kos dan senang digunakan tidak kira masa dan tempat.

## 1.2 Penyataan Masalah

Scherer dan Juanillo (2003) telah menjalankan beberapa kajian mengenai sikap dan tingkah laku manusia terhadap kesihatan. Menurut mereka, masyarakat akan terus merokok, makan makanan yang tidak sihat dan melakukan pelbagai lagi aktiviti yang tidak sihat walaupun telah didedahkan dengan risiko penyakit yang bakal mereka hadapi. Mereka tidak akan menukar tingkah laku kesihatan mereka walaupun diberi maklumat mengenai risiko masalah kesihatan mereka.

Pihak kerajaan Malaysia juga sering menjalankan kempen kesihatan melalui media, tapi jarang penekanan kepada tindakan yang berbentuk proaktif, iaitu rakyat sendiri berinisiatif mahu mencari maklumat kesihatan tanpa disuruh. Malah rakyat Malaysia tidak mengubah gaya hidup mereka dengan drastik walaupun berjuta ringgit dibelanjakan oleh kerajaan untuk manarik mereka dengan kempen kesihatan (Idris, 2011). Kerajaan dan rakyat tidak seharusnya terkejut dengan pendedahan terkini bahawa kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM500 juta untuk kempen kesihatan oleh Kementerian Kesihatan sejak 1980-an namun tidak menghasilkan perubahan gaya hidup yang diperlukan. Kempen-kempen tersebut adalah bertujuan untuk memastikan orang ramai mengamalkan pemakanan yang sihat, mengurangkan pengambilan gula mereka, senaman dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), makanan dan diet menyumbang kepada kesihatan individu. Di Malaysia, pengambilan gula jauh melebihi pengambilan harian yang disarankan iaitu tidak lebih daripada 50 gram atau bersamaan 10 sudu teh sehari mengikut Garis Panduan Pemakanan Malaysia 2010 dan WHO. Pengambilan gula dalam kalangan rakyat Malaysia sebenarnya semakin tinggi setiap tahun. Walaupun pelbagai kempen berkaitan dengan kesihatan dijalankan, namun begitu tidak kurang yang menemui kegagalan. Piotrow et.al (1997) dan Kreps dan Thornton (1992) berpendapat bahawa kegagalan sesuatu kempen berpunca daripada kumpulan sasaran yang tidak melibatkan diri dalam kempen yang dicadangkan atau khalayak sasaran

yang tidak mengambil sebarang tindakan yang disarankan. Kajian juga menunjukkan bahawa walaupun banyak kempen kesihatan berkaitan dengan tingkah laku dilaksanakan, namun masih ramai yang tidak melibatkan diri dan menyertai program kesihatan kerana media kurang berjaya menyesuaikan dengan kepercayaan dan budaya sesuatu kaum dan gagal mendorong dan mengubah tingkah laku mereka (Corcoran, 2007). Kepelbagaiannya dari segi budaya, khususnya maklumat dan mesej yang sesuai dengan keperluan dan penggunaan maklumat di kalangan khalayak sasaran perlu dititikberatkan. Fenomena ini menggambarkan tingkah laku kesihatan masyarakat amat membimbangkan. Kebimbangan ini dapat dikurangkan apabila status atau keadaan tingkah laku kesihatan masyarakat dapat diketahui. Oleh itu, timbul persoalan utama kajian ini, apakah tingkah laku kesihatan dalam kalangan keluarga sesebuah masyarakat?

Mengikut satu kajian yang telah dijalankan di Amerika, berdasarkan pola penggunaan Internet, menunjukkan maklumat kesihatan merupakan salah satu topik yang sering diakses oleh pengguna setiap hari (Fox & Rainie, 2000; Harris Interactive, 2001). Kebanyakan pengguna Internet menghadkan pencarian maklumat kesihatan mereka di dalam laman sesawang yang berkaitan dengan kesihatan (Fox & Rainie, 2000). Mereka dapat mencari pelbagai laman sesawang yang disediakan oleh organisasi kerajaan, jurnal perubatan dalam talian (*online medical journals*), malah dapat bertanyakan soalan dan mendapat maklumat daripada pakar kesihatan di laman sesawang tersebut. Malah, pesakit yang mendapatkan maklumat daripada pakar kesihatan melalui Internet akan membawa maklumat itu untuk perbincangan selanjutnya bersama pakar kesihatan mereka. Mereka juga lebih berupaya untuk berbincang mengenai penyakit dan keadaan mereka dengan lebih terperinci lagi (Napoli, 2001). Tambahan pula, pesakit-pesakit ini juga turut mengikuti panduan dan nasihat yang mereka perolehi daripada maklumat di Internet (Bass, 2003). Namun, terlalu sedikit penyelidikan yang mengkaji bagaimana maklumat di Internet ini dapat mempengaruhi tingkah laku dan sikap manusia, terutama dari aspek pencarian maklumat kesihatan yang bersifat proaktif dalam kalangan masyarakat, khususnya ibu bapa (Rucha, 2009).

Selain itu, pendedahan kepada maklumat kesihatan yang disalurkan oleh media semata-mata tidak menjamin bahawa khalayak sasaran akan mengubah sikap dan tingkah laku mereka. Ini disebabkan setiap masalah kesihatan mempunyai ciri-ciri khusus dan tersendiri yang perlu difahami oleh kumpulan sasaran sebelum mereka boleh mempertimbangkan untuk mengambil sesuatu tindakan. Pendedahan kepada maklumat melalui media semata-mata dianggap tidak mencukupi untuk mengubah tingkah laku kerana tidak semua sasaran menerima dan memproses maklumat dengan cara dan jumlah yang sama. Oleh kerana itu adalah penting untuk mengetahui adakah maklumat kesihatan yang diperolehi daripada media seperti internet mampu mengubah tingkah laku kesihatan masyarakat.

Kini, pelbagai jenis dan bentuk laman sesawang kesihatan telah dihasilkan dan dapat diakses oleh pengguna Internet setiap masa. Laman sesawang ini menyediakan pelbagai kandungan maklumat kesihatan dan ini secara tidak langsung telah mampu mengubah gaya penyebaran dan perkongsian maklumat kesihatan dalam masyarakat dunia. Malah masyarakat tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada pakar kesihatan dan perubatan untuk mendapatkan sumber maklumat kesihatan.

Walaubagaimanapun, di Malaysia sendiri pola pencarian maklumat di Internet adalah menjurus kepada hiburan, politik dan juga sukan tetapi tidak terfokus kepada maklumat kesihatan. Maklumat kesihatan hanya akan dicari apabila mereka mengidap sesuatu penyakit dengan tujuan mendapatkan kaedah rawatan dan jenis ubat-ubatan yang sesuai tetapi tidak untuk perlindungan kesihatan (Google Zeitgeist, 2009).

Fenomena ini berlaku selaras dengan Model Perubahan Tingkah Laku Transteoritikal (TTM) yang menyatakan seseorang itu akan melalui proses pra-pertimbangan yang mana individu tersebut tidak mengambil tahu masalah kesihatan yang mereka alami (Prochaska & DiClemente, 1984). Tetapi apabila individu tersebut atau ahli keluarganya terdedah kepada penyakit, mereka akan mula mencari maklumat kesihatan dan seterusnya berkongsi maklumat tersebut bersama keluarga untuk perlindungan kesihatan. Ini bermakna, apabila seseorang itu melepassi fasa pra-pertimbangan dan seterusnya kepada fasa pertimbangan, berkemungkinan individu tersebut akan bertindak mencari maklumat kesihatan sebagai langkah mengatasi masalah kesihatan yang dihadapi.

Menurut Ramirez et.al (2002), proses pencarian maklumat boleh berlaku melalui medium berperantara seperti internet, televisyen dan lain-lain. Dalam Model Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Komunikasi Berperantara Komputer yang dicadangkan oleh Ramirez et.al (2002), terdapat lima faktor yang mendorong seseorang itu mencari maklumat. Faktor-faktor tersebut adalah faktor tujuan, faktor teknologi, faktor maklumat, faktor komunikator dan faktor konteks/ situasi. Persoalannya, adakah kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet turut dipengaruhi oleh faktor-faktor pencarian maklumat tersebut?

Selain daripada itu, Model Perubahan Tingkah Laku Transteoritikal (Prochaska & DiClemente, 1984), menganggap perubahan seseorang itu berlaku dalam tempoh-tempoh tertentu. Mereka menyimpulkan bahawa setiap individu berubah ke arah tingkah laku yang baru melalui lima peringkat perubahan, yang mana setiap fasa mengambil masa dari tempoh tiga hingga enam bulan untuk berubah ke arah fasa seterusnya. Namun, sekiranya tiada tempoh masa tertentu diletakkan untuk setiap fasa perubahan, adakah individu tersebut boleh mengubah tingkahlakunya?

Kajian mengenai peranan keluarga dalam penggunaan perkhidmatan kesihatan telah pun dijalankan secara meluas, namun kajian mengenai khidmat pencegahan penyakit pula adalah terhad.

Antara model yang pernah dibuat dan luas penggunaannya adalah dari Andersen dan rakannya (Andersen, 1968; Andersen & Aday, 1978). Mereka telah mengenalpasti tiga kategori pembolehubah yang mendorong kepada penggunaan perkhidmatan kesihatan. Kategori pertama ialah *predisposing conditions*, iaitu komposisi keluarga (umur, jantina, status perkahwinan keluarga, saiz keluarga, struktur sosial keluarga); pekerjaan, pendidikan, kelas sosial, bangsa, etnik; dan kepercayaan kesihatan keluarga. Kategori kedua ialah *enabling factor*, ia termasuklah sumber-sumber keluarga (pendapatan

keluarga, simpanan keluarga, insuran kesihatan, sumber penjagaan dan kebajikan) dan sumber komuniti (perkhidmatan yang disediakan oleh komuniti di mana keluarga itu tinggal). Kategori terakhir ialah *need factors*, termasuk jumlah penyakit yang dihidapi oleh keluarga (tahap kesihatan, simptom, *disability days*) dan juga respon (mencari maklumat mengenai simptom-simptom dan pemeriksaan kesihatan fizikal).

Penemuan awal kepada model Anderssen (1968) mendapat bahawa keluarga yang besar, berpendidikan tinggi, dan berpendapatan tinggi adalah yang paling kerap menggunakan perkhidmatan kesihatan. Walaubagaimanapun, *need component* (persepsi keluarga terhadap simptom-simptom, *disability days* dan tahap kesihatan) adalah faktor utama keluarga menggunakan perkhidmatan kesihatan. Walaubagaimanapun, model ini tidak menyarankan model yang dicadangkan oleh Ramirez et.al yang mana selain penggunaan perkhidmatan kesihatan, seseorang individu juga boleh mengubah tingkah laku kesihatan melalui proses pencarian maklumat kesihatan.

Manakala, Ryan dan Hill (2009) menyatakan bahawa perkongsian maklumat merupakan proses yang kompleks yang mampu memberi sumbangan dalam meningkatkan tahap kesihatan malah membantu menyelesaikan masalah kesihatan yang serius. Dalam konteks keluarga sebagai contoh, ibu bapa merupakan salah satu sumber utama dalam menyampaikan dan berkongsi maklumat kesihatan kepada anak-anak. Ary, James dan Biglan (1999) mendapat, perbincangan dan perkongsian maklumat mengenai bahaya merokok bersama anak-anak akan dapat membantu menghindari anak-anak dari merokok. Tidak dapat dinafikan, perkongsian maklumat kesihatan sesama masyarakat terutama sekali dalam keluarga sangat penting kerana ia bukan sahaja dapat menambahkan maklumat kesihatan malah secara tidak langsung dapat mempengaruhi tingkah laku kesihatan ahli keluarga. Akan tetapi dalam kalangan masyarakat Malaysia ini sendiri, adakah perkongsian maklumat kesihatan ini wujud dan dipraktikkan? Selain daripada itu, adakah perkongsian maklumat kesihatan ini berperanan sebagai faktor kawalan dan menentukan pengaruh hubungan antara kadar pencarian maklumat kesihatan di Internet dengan perubahan tingkah laku kesihatan dalam kalangan masyarakat, khususnya ibu bapa dalam keluarga?

### 1.2.1 Persoalan Kajian

1. Apakah kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet dalam kalangan ibu bapa?
2. Apakah faktor-faktor pencarian maklumat kesihatan dalam kalangan ibu bapa?
3. Apakah kadar perkongsian maklumat kesihatan dalam kalangan ibu bapa?
4. Apakah perubahan tingkah laku kesihatan dalam kalangan ibu bapa?
5. Adakah faktor pencarian maklumat kesihatan sebagai faktor peramal terhadap kadar pencarian maklumat kesihatan?
6. Apakah perkaitan antara kadar pencarian maklumat kesihatan dengan perubahan tingkah laku kesihatan?
7. Adakah faktor kovariat perkongsian maklumat kesihatan memberi kesan terhadap perkaitan antara pola pencarian maklumat kesihatan dengan perubahan tingkah laku kesihatan?

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengenalpasti hubungan antara pencarian dan perkongsian maklumat kesihatan dalam keluarga serta implikasinya terhadap perubahan tingkahlaku kesihatan. Objektif khusus kajian ini pula adalah:

1. Mengenalpasti kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet dalam kalangan ibu bapa.
2. Mengenalpasti faktor-faktor pencarian maklumat kesihatan dalam kalangan ibu bapa.
3. Mengenalpasti perkongsian maklumat kesihatan dalam kalangan ibu bapa.
4. Mengenalpasti perubahan tingkahlaku kesihatan dalam kalangan ibu bapa.
5. Mengenalpasti faktor pencarian maklumat kesihatan sebagai faktor peramal terhadap kadar pencarian maklumat kesihatan.
6. Mengenalpasti perkaitan antara kadar pencarian maklumat kesihatan dengan perubahan tingkahlaku kesihatan.
7. Mengenalpasti kesan faktor kovariat perkongsian maklumat kesihatan terhadap perkaitan antara pola pencarian maklumat kesihatan dengan perubahan tingkahlaku kesihatan.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kepada kajian ini dibincangkan dalam empat aspek iaitu kepentingan teoretikal, praktikal, polisi dan metodologikal.

#### **1.4.1 Kepentingan Teoritikal**

Pelbagai kajian mengenai pencarian maklumat kesihatan dijalankan namun kebanyakan kajian empirikal tidak menyatakan secara spesifik model dan teori yang telah digunakan. Lambert dan Loisell (2007) hanya menyenaraikan enam teori atau model yang lazimnya digunakan iaitu (1) Teori Tekanan Psikologi (Lazarus & Folkman, 1984); (2) Model Pencarian Maklumat (Lenz, 1984); (3) Model Pencarian Maklumat Kesihatan (Freimuth, Stein & Kein, 1989); (4) Model Menyeluruh Pencarian Maklumat (Johnson, 1997, 2003); (5) Model Pengembangan Model Pencarian Maklumat (Longo, 2005) dan (6) Hipotesis Pengawasan dan Berterus-terang (Miller, 1987, 1989). Walaubagaimanapun, kajian ini menggunakan Teori Model Pencarian Maklumat melalui Komunikasi Berperantara Komputer oleh Ramirez et.al (2002) sebagai teori asas kepada pencarian maklumat kesihatan melalui internet.

Teori Model Perubahan Tingkah Laku Transteoritikal pula telah mencadangkan lima peringkat perubahan kepada tingkahlaku yang sihat. Pada dasarnya, teori ini menganggap individu tidak dapat mengubah tingkahlaku pada masa yang singkat, terutama apabila ia melibatkan tingkahlaku sehari-hari dan biasa dilakukan seperti makan, merokok, dan sebagainya. Prochaska dan Velicer (1997) telah mengandaikan proses perubahan tingkahlaku kesihatan ini berlaku dalam beberapa tempoh tertentu.

Contohnya, pada peringkat pertama perubahan iaitu pra-pertimbangan, individu tersebut mengambil masa sehingga 6 bulan untuk membuat pertimbangan samada untuk berubah atau sebaliknya. Prochaska dan Velicer (1997) juga mengandaikan bahawa selepas individu tersebut berubah dan berada pada fasa terakhir iaitu penyelarasan (maintainance), perubahan tingkahlaku itu akan kekal berlaku dari 6 bulan sehingga 5 tahun. Namun, hakikatnya tiada teori yang tetap menyatakan bahawa perubahan tingkahlaku seseorang itu perlu berlaku dalam tempoh 6 bulan atau tempoh-tempoh tertentu. Ini bermaksud, perubahan tingkahlaku seseorang itu adalah dinamik dan mampu berlaku dalam tempoh-tempoh yang berbeza bergantung kepada pelbagai faktor, contohnya jumlah maklumat yang diterima, pengaruh ahli keluarga dan rakan sekerja, kesedaran diri sendiri dan sebagainya. Oleh kerana itu kajian ini tidak menetapkan sebarang tempoh tertentu bermula dari fasa pra-pertimbangan sehinggalah kepada fasa penyelarasan.

